

Gadai nyawa ubat beracun

Eksklusif !

Oleh **AMMAR JAZLAN MAT LELA**
khas@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Beberapa lorong di sekitar Chow Kit di sini memang terkenal dengan lambakan ubat tradisional dan kosmetik.

Antaranya Lorong Haji Hussin, Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Bot kerana ada beberapa premisnya menjadi pusat pengedaran dan pemborong bagi pasaran ubat tradisional seluruh negara.

Produk yang dijual kebanyakannya berasal dari Indonesia, Thailand dan Filipina. Dengan ramai bilangan warga asing bekerja di Malaysia, ia diedarkan ke seluruh bandar utama lain di negara ini terutama Johor Bahru dan Pulau Pinang kerana mendapat permintaan yang tinggi.


Bagaimanapun, pada sisi lain, ia juga dilihat sebagai 'lorong beracun' kerana menjadi lokasi penjualan ubat-ubat yang tidak didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Produk kosmetik yang dipercayai mengandungi bahan dilarang yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna, malah boleh membawa maut, juga banyak dijual di situ.

Didapati kebanyakan bungkusan produk terbabit mengandungi racun berjadual seperti hydroquinone, tretinon, sibutramine dan ephedrine yang sememangnya diharamkan penggunaannya.

Hydroquinone sebagai contoh boleh menyebabkan pigmentasi dan risiko kanser kulit manakala ephedrine pula menyebabkan kesan sampingan seperti tekanan darah tinggi dan kesan kardiovaskular.

Penggunaan tretinon dan sibutramine pula hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau ahli farmasi malah tidak dibenarkan sama sekali di dalam produk kosmetik.



ORANG RAMAI melihat pelbagai ubat tradisional dan kosmetik yang dijual di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur semalam.



UBAT jerawat dari Filipina ini mengandungi hydroquinone yang turut mempunyai logo 'halal'.

KOSMO 03/2/09 M/S 3

Ubat-ubat itu percayai mengandungi bahan dilarang yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna, malah boleh membawa maut

Info Racun dalam ubat/kosmetik

Produk	Bahan Kimia	Kesan
Kapsul herba	Dietsibutramine Analog Acetildenafil Glibenclamide	Tekanan darah dan kardiovaskular Tekanan darah rendah dan kardiovaskular Penurunan paras gula dalam darah secara mendadak sehingga menyebabkan sawan atau tidak sedarkan diri
Kosmetik	Hydroquinone Raksa	Pigmentasi dan kanser kulit Kanser dan mematikan sel darah
Pembersih muka	Karsinogen	Kanser
Losen/krim muka	Karsinogen	Kanser
Gel rambut, skrab muka	Sodium Laureth Sulfate	Kanser

kan di dalam produk kosmetik.

Salah satu produk kosmetik yang dikesan mengandungi racun berjadual tersebut kononnya mampu menyelesaikan masalah jerawat khusus untuk remaja turut dijual di lorong berkenaan.

Produk yang dikilangkan di Davao City, Filipina itu mengandungi sehingga 20 miligram hydroquinone dan 125 mikrogram tretinoin.

Lebih mengejutkan produk kecantikan itu turut mempunyai logo 'halal' yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Islam Filipina bagi menarik pengguna Islam.

Wartawan *Kosmo!* yang menyamar sebagai pembeli dengan mudah membeli produk tersebut setelah diyakinkan bahawa kandungan

produk yang dijual tidak memberi kesan kepada kesihatan.

Malah kebanyakan ubat yang dijual turut didakwa mampu meningkatkan kemampuan seksual sekali gus menjadi tumpuan golongan lelaki yang tidak mempedulikan kesan-kesan buruknya.

Ketika ditanya mengenai keberkesanan produk kosmetik pula, peniaga mendakwa semua produk yang dijualnya berkualiti tinggi dan memberikan kesan yang diinginkan oleh pengamalnya.

"Ramai orang guna produk ini adik, sesuai untuk orang rumah (isteri), kulit jadi lembut. Ini semua dari Indonesia, tengok kulit mereka cantik, putih, adik beli satu," katanya

sambil menunjukkan logo 'halal' yang dipercayai palsu.

Apa yang menjadi persoalan, kenapa peniaga terbabit seolah-olah mempunyai 'lesen besar' untuk menjualnya kepada orang ramai tanpa diganggu oleh Kementerian Kesihatan?

Jika ada serbuan pihak berkuasa pun, ia hanya berhenti beroperasi sementara sebelum premis berkenaan menjualnya semula selepas keadaan kembali tenang.

Keadaan tersebut menimbulkan tanda tanya kenapa kementerian tidak mengambil sebarang tindakan bagi memastikan penjualan barangan yang tidak berdaftar disekat.